

21 MAY 1998

Yong-Jawatan

YONG SERAH SURAT PELETAKAN JAWATAN RABU INI

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Yong Teck Lee yang akan menamatkan tempoh jawatannya sebagai Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran jawatan itu di Sabah, akan menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri di Kota Kinabalu, Rabu ini.

Peletakan jawatan itu akan berkuatkuasa pada 28 Mei (Khamis) ini, hari yang dipersetujui oleh Istana Negeri bagi majlis angkat sumpah jawatan bagi Ketua Menteri yang baru Tan Sri Bernard Dompok, katanya kepada Bernama di sini.

"Istana Negeri telah bersetuju supaya majlis angkat sumpah jawatan oleh Ketua Menteri baru akan diadakan pada 28 Mei pada pukul 10 pagi di Istana Negeri," katanya.

Yong berada di sini untuk menghadiri Forum Perniagaan BIMP-EAGA (Kawasan Pertumbuhan Asean Timur - Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina) -- Persidangan Antarabangsa Mengenai Peluang dan Strategi Perniagaan. Beliau dijadualkan menyampaikan kertas kerja pada persidangan itu pagi esok.

Yong berkata majlis penyerahan tugas selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah kepada Dompok akan diadakan pukul 5 petang 27 Mei di Pejabat BN Negeri di Putatan Square, dekat Kota Kinabalu.

Pengumuman mengenai pelantikan Dompok dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur petang ini.

Idea Penggiliran jawatan itu dicetuskan oleh Perdana Menteri beberapa hari sebelum pilihan raya negeri pada Februari 1994 bagi memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri masing-masing untuk tempoh selama dua tahun.

Sistem itu dimulakan oleh pemimpin Bumiputera Islam dengan pelantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun) sebagai Ketua Menteri pada Mac 1994 dan digantikan oleh Datuk Salleh Said Keruak pada Disember tahun yang sama apabila Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Yong kemudian mengambil alih jawatan itu daripada Salleh pada 28 Mei 1996 bagi mewakili masyarakat Cina dan kini tibalah fasa ketiga sistem berkenaan yang akan menyaksikan pelantikan Dompok sebagai Ketua Menteri baru mewakili masyarakat Bumiputera bukan Islam.

Yong hari ini berkata beliau akan memastikan peralihan teraju kerajaan negeri itu akan berjalan lancar dan teratur.

"Saya sendiri akan mengesyorkan supaya proses penyerahan tugas bagi jawatan Ketua Menteri dan Pengerusi BN Negeri akan berjalan dengan licin dan lancar," kata beliau.

Surat peletakan jawatan sebagai Pengerusi BN pula akan diserahkan kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN "dalam beberapa hari ini," katanya.

Beliau juga berkata Ketua Menteri baru itu harus disokong semua pihak.

"Memandangkan Ketua Menteri yang baru sudah diumumkan, maka sudah sampai masanya untuk kita sama-sama memberi sokongan penuh kepada keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri," kata beliau.

Mengenai majlis angkat sumpah jawatan bagi anggota kabinet negeri, beliau berkata ia akan ditentukan oleh Ketua Menteri yang baru.

-- BERNAMA

JS NMO